

Menuju Elektrifikasi Penuh Menjelang 2025

Skim Bekalan Tenaga Luar Bandar (RPSS)

Apakah itu RPSS?

Pelan Induk Elektrifikasi Luar Bandar yang Dipercepatkan adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Sarawak yang dilaksanakan oleh Kementerian Utiliti dan Sarawak Energy menerusi inisiatif Projek Rakyat. Dengan peruntukan sebanyak RM2.37 bilion, ia bertujuan untuk mengelektrifikasi 97% kawasan luar bandar Sarawak pada tahun 2020 ke arah elektrifikasi penuh menjelang 2025.

Skim Bekalan Tenaga Luar Bandar atau RPSS melibatkan pemasangan kabel transmisi dan pengagihan serta pembinaan pencawang baru untuk menambah liputan grid sedia ada ke kawasan luar bandar.

Menerusi RPSS, sistem bekalan tenaga yang stabil akan dibina melalui stesen pencawang baru untuk menyalurkan tenaga dari sumber penjana kepada pengguna. Stesen-stesen pencawang ini dibina di lokasi yang sesuai yang dilalui kabel transmisi dan tidak memerlukan pemasangan talian bekalan elektrik yang panjang.

Stesen pencawang merupakan komponen penting dalam sistem tenaga kerana ia berfungsi untuk mengubah voltan tinggi kepada rendah dan sebaliknya. Sistem ini mempunyai keupayaan untuk dibaikpulih dengan pantas sekiranya bekalan terputus selain bersedia untuk menerima peluasan pembangunan di kawasan berkenaan dalam tempoh 20 ke 30 tahun akan datang.




Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg (tiga dari kiri) merasmikan Projek Utiliti Rakyat Sarawak di tapak Stesen Pencawang 132/33/11kV Kanowit.

RPSS melibatkan pembinaan:

- Dua stesen pencawang Voltan Tinggi Tambahan (EHV) di Tatau (275kV) dan Kanowit (132kV).
- Sepuluh stesen pencawang Voltan Sederhana (MV) 33kV di Batang Ai, Pakan, Julau, Dalat, Ngungun, Sangau, Sebauh, Long Lama, Bakelalan dan Belaga.
- Lapan talian utama MV 33kV menggunakan teknologi konduktor berpenambat merangkumi jarak sepanjang 500km.

RPSS, yang dijangka siap dalam tempoh dua atau tiga tahun, akan melibatkan kos sekitar RM600 juta.



Projek Rakyat – Pencawang 132kV Kanowit



Stesen pencawang 132kV Kanowit bakal dihubungkan ke pencawang MV Julau dan Ngungun melalui sirkit talian berganda konduktor berpenambat, sekaligus menyediakan sumber elektrik yang stabil kepada perkampungan dan isi rumah luar bandar.

Stesen pencawang ini bakal meluaskan liputan grid transmisi ke kawasan tengah Sarawak, sekaligus membekalkan ribuan rumah dan perniagaan dengan tenaga elektrik boleh diperbaharui dan mampu milik apabila ia beroperasi secara berperingkat mulai Disember 2020 dan sepenuhnya menjelang Mac 2021.

Stesen pencawang berkenaan yang mula dibina pada 2019 dijangka akan menelan belanja kira-kira RM54 juta.

Pada 11 Januari lalu, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah merasmikan Projek Utiliti Rakyat Sarawak. Beliau disertai Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas; Menteri Utiliti, Dato Sri Dr. Stephen Rundi Utom; Menteri Muda Utiliti (Bekalan Elektrik Luar Bandar), Datuk Liwan Lagang; Menteri Muda Utiliti (Bekalan Air), Datuk Dr. Abdul Rahman Junaidi; dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Setiausaha Tetap Kementerian Utiliti, Dato Alice Jawan Empaling; serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy, Datu Haji Sharbini Suhaili turut hadir di majlis perasmian tersebut.



(Dari kiri) Dato Alice dan Datu Haji Sharbini bersama Naib Presiden Eksekutif Sarawak Energy (Penyampaian Projek) Pramod Kumar; Naib Presiden Kanan (PerkhidmatanKorporat) Hajah Siti Aisah Adenan; Pengarah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar, Kementerian Utiliti, Chang Kuat Shian; dan Naib Presiden Sarawak Energy (Bekalan Elektrik Luar Bandar), Dr Chen Shiun.



Pengurusan kanan Sarawak Energy diberi taklimat berkenaan status projek.